



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 2545
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 600-37/4/1 JLD. 2 (33)
Tarikh : 15 Julai 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan,

KEPERLUAN KESIHATAN BAGI PENGEMBARA YANG AKAN MEMASUKI MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas .

2. Seperti yang YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan sedia maklum, terdapat keperluan-keperluan tertentu bagi pengembara (warganegara dan bukan warganegara) yang akan memasuki Malaysia selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula 10 Jun 2020 seperti berikut:

- a) Semua pengembara dikehendaki untuk memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki Malaysia. Pautan bagi aplikasi tersebut adalah seperti berikut: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/>
- b) Semua pengembara dikehendaki mengemukakan keputusan ujian *Polimerase Chain Reaction* (PCR) COVID-19 ketika tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Malaysia. Ujian PCR COVID-19 tersebut perlu dijalankan dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh berlepas ke Malaysia. Keputusan ujian tersebut perlu dikemukakan kepada pihak kesihatan di PMA dalam bentuk laporan keputusan dari makmal yang diiktiraf atau laporan perubatan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar. Hanya laporan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja yang diterima.
- c) Pengembara juga diwajibkan menjalani arahan kuarantin. Kuarantin dibenarkan dijalankan di kediaman atau hotel penginapan masing-masing. Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] akan berikan dan pengembara akan dipakaikan gelang pengawasan. Kegagalan untuk

mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 22 Akta 342 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 24 Akta 342.

3. Bagi pelaksanaan keperluan kesihatan ini, adalah dipohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan memuat naik keperluan ini di laman sesawang rasmi dan media sosial jabatan masing-masing. Bersama ini disertakan *banner* laman sesawang, tatacara memuat turun aplikasi MySejahtera dan keperluan keputusan ujian PCR COVID-19 sebagai rujukan.

4. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan boleh menghubungi pegawai di bawah:

(i) Nama : Dr. Hj. Azmi bin Abdul Rahim
No. Telefon : 03-88834122
Emel : arazmi@moh.gov.my

(ii) Nama : Dr. Salmiah binti Baharudin
No. Telefon : 03-88834380
Emel : drsalmiah_b@moh.gov.my

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k :

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Dato' Sri M. Shahrul Ikram Yaakob

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Wisma Putra, No1, Jalan Wisma Putra
Presint 2, 62602 Putrajaya

Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
62200 Putrajaya

Datuk Isham Ishak

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia
No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4,
62100 W.P. Putrajaya

Dato' Indera Khairul Dzaimie Bin Daud

Ketua Pengarah Imigresen
Jabatan Imigresen Malaysia
No. 15, Tingkat 1-7, (Podium)
Persiaran Perdana, Presint 2
62550 Putrajaya

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
Aras 1-4 Blok Podium
27, Persiaran Perdana
62618 Putrajaya